



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

GARIS PANDUAN SKIM PINJAMAN MIKRO SYARIKAT SISWA UNIVERSITI





ISI KANDUNGAN

M/S


3. PENGENALAN
4. SKIM PINJAMAN DAN JUMLAH PINJAMAN
5. CARA BAYARAN BALIK
5. BAYARAN PROSES
6. JADUAL BAYARAN BALIK BULANAN
7. SYARAT KELAYAKAN ASAS PINJAMAN MIKRO SYARIKAT SISWA UNIVERSITI
8. CARA PEMILIHAN



PENGENALAN

Universiti Malaysia Kelantan Intrepreneurship Institute (UMKEI) bertanggungjawab menjadi pusat kecemerlangan latihan dan pembangunan keusahawanan pelajar bagi merealisasikan Universiti Malaysia Kelantan sebagai universiti keusahawanan yang dihormati (*respected*) dan dirujuk (*referred*).

UMKEI telah menyediakan kemudahan pembiayaan awal (*seed funding*) kepada perniagaan yang ditubuhkan oleh pelajar (*students' start-ups*) sebagai salah satu inisiatif bagi membudayakan keusahawanan dan menggalakkan pelajar menubuhkan perniagaan semasa dalam pengajian. Kemudahan yang disediakan adalah berbentuk Skim Pinjaman Mikro.





SKIM PINJAMAN DAN JUMLAH PINJAMAN

Skim pinjaman yang diperkenalkan ialah Skim Pinjaman Mikro. Skim ini menyediakan kemudahan seperti berikut:



PINJAMAN

Skim Pinjaman Mikro (SPM)



JUMLAH

Minimum RM1,000.00 –
RM5,000.00 (maksimum)



TEMPOH BAYARAN

Maksimum 3 tahun atau
sehingga tamat pengajian
(mana yang terdahulu)

CARA BAYARAN BALIK

Peminjam WAJIB membuat bayaran balik pinjaman. Pembayaran boleh dibuat di Pejabat Bendahari Universiti Malaysia Kelantan di ketiga-tiga kampus secara tunai atau cek atas nama Universiti Malaysia Kelantan. Salinan resit pembayaran hendaklah diserahkan di Pejabat UMKEI, Kampus Kota untuk direkod.

BAYARAN PROSES

Bayaran proses sebanyak RM20.00 untuk satu borang akan dikenakan sekiranya permohonan pinjaman berjaya.





JADUAL BAYARAN BALIK BULANAN

AMAUN	TEMPOH MASA PINJAMAN			
	6 BULAN (RM)	1 TAHUN (RM)	2 TAHUN (RM)	3 TAHUN (RM)
1,000	166.67	83.33	41.67	27.78
2,000	333.33	166.67	83.33	55.56
3,000	500.00	250.00	125.00	83.33
4,000	666.67	333.33	166.67	111.11
5,000	833.33	416.67	208.33	138.89



SYARAT KELAYAKAN ASAS PINJAMAN MIKRO SYARIKAT SISWA UNIVERSITI

- i. Pelajar prasiswazah sepenuh masa di UMK.
- ii. Pemohon bukan seorang muflis
- iii. Syarikat adalah 100% hak milik pelajar prasiswazah sepenuh masa di UMK
- iv. Mempunyai lesen/ permit/ Daftar perniagaan yang sah dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan pendaftaran perniagaan dengan Syarikat Siswa Universiti (SSU) di UMKEI.
- v. Mempunyai tempat/ lokasi perniagaan yang khusus/ berniaga secara bergerak (mobile)/ berniaga secara online.
- vi. Terlibat secara langsung dan separuh masa dalam perniagaan
- vii. Satu pembiayaan hanya bagi seorang pemohon/ sebuah syarikat (kecuali perniagaan yang berasingan dan berdaftar perniagaan dengan SSM yang berlainan serta mempunyai rekod bayaran yang baik.
- viii. Pemohon telah menjalankan perniagaan. Manakala bagi pemohon yang baru memulakan perniagaan mereka dikehendaki mempunyai perancangan perniagaan yang terperinci.
- ix. Bagi syarikat pelajar berbentuk Enterprise (Perkongsi), pemohon perlu mendapat surat kebenaran rakan kongsi untuk membuat pembiayaan.
- x. Penyaluran pembiayaan atas nama pemilik pertama atau atas akaun syarikat (jika ada).

CARA PEMILIHAN

- ✔ Borang permohonan pembiayaan pinjaman boleh di peroleh di Pejabat UMKEI, UMK Kampus Kota.
- ✔ Borang yang lengkap diisi hendaklah dihantar bersama rancangan perniagaan.
- ✔ Pemohon akan dijemput untuk sesi temu duga bersama panel penilai yang dilantik di UMKEI sebelum keputusan kelulusan diberikan.
- ✔ Permohonan yang diluluskan akan dimaklumkan kepada pemohon dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja

